

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM]

TARIKH : 1 DISEMBER 2020 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status perkembangan Rang Undang-Undang Sewaan Kediaman yang kini amat diperlukan untuk melindungi hak dan membela penyewa yang kehilangan punca pendapatan daripada tindakan tidak wajar oleh pemilik rumah semasa pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah memulakan kajian dan penggubalan Akta Sewaan Kediaman / *Residential Tenancy Act* (RTA) pada Jun 2019 melalui perunding yang telah dilantik. Pada masa ini, pihak perunding sedang menyiapkan Laporan Akhir Kajian bersama draf awal Rang Undang-Undang. KPKT akan mengadakan sesi libat urus bersama pemegang taruh (*stakeholders*) yang berkaitan industri perumahan dan sewaan untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas berhubung cadangan akta ini sebelum dibawa untuk kelulusan Jemaah Menteri dan pembentangan di Parlimen.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Akta Sewaan Kediaman ini bertujuan untuk menangani isu-isu dan permasalahan sewaan kediaman dan membuat peruntukan perundangan berkaitan penyewaan melalui perjanjian yang seragam. Akta ini diharap dapat melindungi hak dan kepentingan kedua-dua pihak iaitu penyewa dan tuan rumah. Dengan adanya akta ini kelak, sebarang pertelingkahan di antara penyewa dan tuan rumah dapat diselesaikan melalui proses mediasi dan tribunal.

Sekian, terima kasih.